



FAMILY FRONTIERS

# Persatuan Kebajikan Sokongan Keluarga Selangor & KL (PPM-011-10-24072020)

Association of Family Support & Welfare Selangor & KL (Family Frontiers)

D-3-33, 8 Avenue Business Centre, Jln Sungai Jernih 8/1, Sek 8, 46050, Petaling Jaya, Selangor  
admin@familyfrontiers.org

PRESS STATEMENT, For Immediate Release

13 September 2021

## JUSTICE DELAYED IS JUSTICE DENIED

### The Government Must Withdraw its Appeal against the Landmark High Court Decision

We are appalled and deeply disappointed by the Government's move to appeal against the Kuala Lumpur High Court decision on 9th September that affirmed Malaysian women's right to confer citizenship automatically on their children born overseas on an equal basis with Malaysian men.

Three federal ministers, including the [de facto Law Minister Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar](#) had openly supported the decision. Minister of Women, Family and Community Development [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun](#) said the decision shone a new light on the aspirations of women. Minister of Communications and Multimedia Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa posted on Instagram that this was "great news". Sarawak's Minister of Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Early Childhood Datuk Sri Fatimah Abdullah, along with Wanita MCA Sabah also welcomed this historic decision.

We are therefore shocked at the Government's move to appeal against the High Court decision, and we see this move as a betrayal of the rights that are long overdue to Malaysian women. The Government had an opportunity to embrace the High Court's decision, and move the needle towards greater justice and equality for its women citizens. Instead, the Government has chosen to perpetuate this gross injustice that has plagued Malaysia since independence, the weight of which Malaysian women have borne for 64 long years.

High Court judge Dato' Akhtar bin Tahir ruled that the word 'father' must therefore be read to include 'mother' and that their children are entitled to citizenship by operation of law. The Court determined that provisions pertaining to citizenship rights—namely Article 14(1)(b) of the Federal Constitution (FC) together with the Second Schedule, Part II, Section 1(b) and 1(c) of the FC—must be read in harmony with Article 8(2) of the Federal Constitution, which prohibits discrimination on the basis of gender. In making his decision, High Court Judge Akhtar Tahir affirmed Malaysian mothers' equal rights and opened the door for our children to no longer suffer unequal access to basic rights such as education and healthcare.

The judgement lifted the anxiety that plagued us with the uncertainty of our children's status, well-being and future. The Government, by appealing against this decision, has delayed justice not just to Malaysian women, but their children and their extended families. **Justice delayed is justice denied.**

We would like to remind the government that Malaysian women and mothers are voters, and we will not hesitate to mobilise them around this issue and, in the next election, exercise

their right to vote for representatives who are committed to form a government that affirms their right to equality, to be free of discrimination based on gender.

The Government's action in appealing against the decision sends out a clear message that they are in favour of the continued discrimination and marginalisation of Malaysian mothers. We will not tolerate an administration that continues to defend archaic and sexist laws.

We strongly urge the Government of Malaysia, Minister of Home Affairs and the Director-General of the Department of National Registration to withdraw their Notice of Appeal immediately and not perpetuate such injustice against Malaysian women.

We further call on Malaysians, both in the country and abroad, to sign this petition calling on the Government to withdraw its appeal against women's equal right to citizenship:  
<https://bit.ly/tarikbalikrayuan>.

ENDS/-

---

KENYATAAN AKHBAR, Untuk Edaran Segera

13 September 2021

## **KEADILAN YANG TERTANGGUH ADALAH KEADILAN YANG DINAFIKAN**

### **Kerajaan diminta menarik balik rayuan terhadap Keputusan Mahkamah Tinggi**

Kami dukacita dengan tindakan Kerajaan yang telah memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 9 September 2021 yang memutuskan hak wanita Malaysia untuk memberi kewarganegaraan secara automatik kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara secara setara dengan kaum lelaki Malaysia.

Penghakiman Mahkamah Tinggi tersebut telah disokong secara terbuka oleh tiga (3) orang menteri persekutuan, termasuk [Menteri Undang-Undang de facto, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar](#). Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Seri Rina binti Mohd Harun](#) sewaktu mengulas penghakiman Mahkamah Tinggi tersebut berkata, keputusan itu menunjukkan kesungguhan dan aspirasi dari kaum wanita. Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Musa menyatakan di laman Instagram beliau bahawa ini adalah "berita hebat". Keputusan Mahkamah Tinggi ini juga disambut secara positif oleh Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Anak Awal Sarawak Datuk Sri Fatimah Abdullah, bersama dengan Wanita MCA Sabah.

Oleh itu, kami berasa terkejut dengan tindakan kerajaan untuk memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi tersebut, dan kami melihat ini adalah satu bentuk pengkhianatan kerajaan terhadap hak yang sudah lama tertangguh bagi kaum wanita Malaysia. Kerajaan mempunyai kesempatan untuk menerima keputusan Mahkamah Tinggi

tersebut, dan memastikan hak wanita tidak ditindas dan mereka juga mendapat keadilan dan kesaksamaan yang sepatutnya. Sebaliknya, kerajaan telah memilih untuk mempertahankan *status quo* terhadap ketidakadilan yang telah mendarahdaging semenjak dari negara kita mencapai kemerdekaan lagi, sehingga kini wanita Malaysia telah menanggung beban ketidakadilan hampir 64 tahun lamanya.

Hakim Mahkamah Tinggi, Dato 'Akhtar bin Tahir memutuskan bahawa perkataan 'bapa' di dalam Jadual Kedua Perlembagaan mestilah membawa maksud dan merangkumi ibu dan anak-anak mereka yang juga berhak mendapat kewarganegaraan mengikut operasi undang-undang. Mahkamah memutuskan bahawa peruntukan yang berkaitan dengan hak kewarganegaraan - Perkara 14 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan Jadual Kedua, Bahagian II, Bahagian 1 (b) dan 1 (c) Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibaca bersama dengan Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan, yang melarang sebarang bentuk diskriminasi berdasarkan jantina. Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Akhtar Tahir menegaskan bahawa hak yang sama diberi kepada ibu di Malaysia dan ini akan memberi peluang kepada anak-anak mereka untuk mendapatkan akses kepada hak asasi seperti pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Keputusan Mahkamah Tinggi juga menamatkan kegelisahan yang dirasa oleh kaum ibu di Malaysia terhadap ketidakpastian dan kesamaran status mereka, kesejahteraan dan masa depan anak-anak. Rayuan yang difailkan oleh pihak kerajaan terhadap keputusan ini telah menunda sekaligus menafikan keadilan bukan sahaja untuk wanita/ibu di Malaysia, tetapi juga anak-anak serta keluarga mereka. Keadilan yang tertangguh adalah keadilan yang dinafikan.

Kami mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan Kerajaan Malaysia bahawa wanita dan ibu di Malaysia adalah pengundi dan kami tidak akan teragak-agak untuk menggerakkan para wanita dan ibu untuk menggunakan hak mereka di dalam pilihanraya yang akan datang untuk memilih wakil rakyat yang komited untuk membentuk pemerintahan yang memelihara hak wanita untuk dilayan secara adil dan saksama serta bebas dari diskriminasi berdasarkan gender.

Tindakan kerajaan dalam memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut telah memberikan pesanan yang jelas bahawa mereka selama ini menyokong diskriminasi dan marginalisasi (peminggiran) terhadap hak-hak wanita dan ibu di Malaysia. Kami tidak akan sekali-kali bertolak ansur dengan pemerintahan yang terus mempertahankan undang-undang kuno dan seksis.

Kami amat mendesak agar Kerajaan Malaysia, Menteri Dalam Negeri dan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara untuk menarik kembali Notis Rayuan mereka dengan segera dan menghentikan ketidakadilan terhadap wanita Malaysia.

Kami selanjutnya meminta rakyat Malaysia, baik di dalam maupun di luar negara, untuk menandatangi petisyen ini untuk mendesak kerajaan menarik kembali rayuannya terhadap kesaksamaan hak wanita untuk kewarganegaraan <https://bit.ly/tarikbalikrayuan>.

TAMAT/-

\*\*\*

For Office Use Only:

Submitted by: Persatuan Kebajikan Sokongan Keluarga Selangor & KL (Association of Family Support & Welfare Selangor & KL) (Family Frontiers)

Contact Details:

1. Melinda Anne Sharlini, Programme Manager — Family Frontiers  
016-556 1430 | [melinda@familyfrontiers.org](mailto:melinda@familyfrontiers.org)
2. Bina Ramanand, Co-founder & Lead Coordinator — Family Frontiers  
012-216 3597 | [bina.r@familyfrontiers.org](mailto:bina.r@familyfrontiers.org)